

BAB 7

PENUTUP

7.1 Pengenalan

Prinsip Islam bersifat menyeluruh (*syumul*) iaitu memberi panduan dan pedoman yang sempurna untuk kehidupan manusia secara menyeluruh daripada setiap aspek. Bahkan, tidak ada suatu perkara pun yang tidak diberikan panduan oleh Islam. Oleh itu, pengkaji melihat bahawa terdapat kepentingan dalam memelihara amalan pengubatan Islam daripada segala aspek yang dapat menembusi ketulenannya. Perbincangan hasil kajian menunjukkan bahawa bidang amalan pengubatan Islam adalah suatu bidang yang mempunyai keperluan bagi sebahagian besar kepada umat Islam.

Oleh yang demikian, dalam bab ini pengkaji menulis penutup kajian dengan membentangkan rangkuman hasil kajian serta menyimpulkan analisis dan perbincangan kajian ini. Pengkaji juga mencadangkan saranan kepada pihak-pihak berkaitan berdasarkan penelitian terhadap isu-isu yang berkaitan dengan amalan pengubatan Islam di Malaysia. Oleh itu, saranan dan cadangan yang dikemukakan sedikit sebanyak dapat membantu pihak yang berkaitan demi memelihara akidah dan kesucian agama Islam di samping membentuk hala tuju pengubatan Islam di Malaysia. Seterusnya, pengkaji mencadangkan empat kajian lanjutan yang boleh dijalankan oleh pengkaji seterusnya.

7.2 Rumusan Hasil dan Perbincangan Kajian

Secara keseluruhan, kajian ini telah membincangkan ketiga-tiga objektif kajian. Kajian ini mendapati bahawa pengamal pengubatan yang aktif dalam memuatnaik video rawatan mereka dalam media sosial melakukan kaedah pengubatan yang bercanggah dengan prinsip pengubatan menurut Islam. Pengamal mendapati mendakwa dirinya mempunyai *karamah*, mendakwa dirinya boleh melihat dan menangkap jin, tidak menjaga aib dan kerahsiaan pesakit, menggunakan kaedah bacaan yang tidak jelas dalam rawatan, mengenakan bayaran yang tinggi, memberikan konsultasi yang meragukan berkaitan makhluk halus kepada pesakit, menggunakan kaedah memanggil, memasukkan dan memindahkan jin dalam tubuh manusia, melakukan rawatan secara siaran langsung (*live*) melalui platform media sosial. Hal ini bercanggah dengan ajaran Islam dan garis panduan amalan pengubatan Islam.

Seterusnya, hasil kajian menunjukkan terdapat tiga peringkat pengawalseliaan dalam hal ehwal amalan pengubatan Islam di Malaysia iaitu di peringkat persekutuan oleh KKM, di peringkat negeri oleh JAIM dan di peringkat badan pengamal iaitu Darussyifa'. Di peringkat persekutuan, amalan pengubatan Islam diiktiraf di bawah bidang kuasa bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (PTK), KKM. Setiap pengamal pengubatan Islam tertakluk di bawah Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775). Terdapat badan perwakilan fungsi yang ditubuhkan khas bagi amalan pengubatan Islam iaitu Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI). KKM menjalankan saringan pendaftaran terhadap pengamal pengubatan Islam dengan menggunakan instrumen i-SYIFA'. Terdapat empat kategori syarat yang telah ditetapkan kepada pengamal pengubatan untuk berdaftar dan mendapatkan kebenaran beramal daripada KKM.

Selain itu, di peringkat negeri pula, bahagian Penguatkuasa JAIM melaksanakan penyelidikan ke atas pengamal pengubatan yang melakukan kaedah rawatan yang meragukan. Setiap hukum atau fatwa terhadap sesuatu kesalahan oleh pengamal pengubatan akan diwartakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Jabatan Mufti Melaka. Terdapat enam peruntukan dalam Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 yang boleh disabitkan ke atas pengamal pengubatan Islam. JAIM juga menganjurkan program-program ilmun bagi menyebarkan kefahaman berkaitan amalan pengubatan menurut Islam kepada masyarakat.

Seterusnya, pengawalseliaan di peringkat badan pengamal seperti di Darussyifa' pula menjalankan sesi pengajian kepada pengamal pengubatan Islam. Pengamal pengubatan Islam Darussyifa' yang melakukan kesalahan sama ada dari sudut etika mahupun syariah akan diadili dengan berpandukan Garis Panduan Etika Ahli dan Perawat Darussyifa' (2010). Jawatankuasa Tertinggi Darussyifa' mengenakan hukuman tatatertib yang sewajarnya terhadap pengamal pengubatan yang didapati bersalah. Setiap pengamal pengubatan Islam Darussyifa' wajib mengikuti program *Continuous Professional Develoment* (CPD) untuk meningkatkan tahap profesionalisma mereka.

Analisis konsep dakwah dalam kaedah pengawalseliaan terhadap pengamal pengubatan Islam di media sosial menunjukkan pihak berautoriti KKM, JAIM dan Darussyifa' memainkan peranan sebagai pendakwah atau *da'i*. Pengamal pengubatan Islam pula adalah sasaran dakwah dalam kategori golongan orang Islam yang lalai dan mungkar. Isi kandungan dakwah dari aspek akidah disembahkan oleh JAIM dan Darussyifa'. Manakala, isi kandungan dakwah dari aspek syariah dan akhlak disembahkan oleh KKM, JAIM dan Darussyifa'. JAIM dan Darussyifa' menggunakan

pendekatan *uslūb* dakwah melalui nasihat yang baik (*mau'izah al-ḥasanah*). Darussyifa' sahaja yang menggunakan pendekatan *uslūb* dakwah melalui perdebatan yang baik (*mujadalah*). Kajian menunjukkan ketiga-tiga pihak berautoriti iaitu KKM, JAIM dan Darussyifa' menggunakan pendekatan *waṣīlah* dakwah melalui penguatkuasaan undang-undang dan saluran dan media.

Akhir sekali, kajian ini mendapati bahawa terdapat lima kelemahan atau kelompangan dalam kaedah pengawalseliaan terhadap pengamal pengubatan Islam di media sosial iaitu pendaftaran pengamal, pengabaian hak pesakit, tiada garis panduan pengiklanan dan promosi, tiada peruntukan undang-undang kaedah rawatan secara atas talian dan tiada kawalan dan sekatan terhadap aktiviti pengamal pengubatan Islam di media sosial.

7.3 Implikasi Kajian dan Cadangan Dasar

Oleh yang demikian, kajian ini memberi implikasi kepada pihak-pihak tertentu di samping langkah-langkah yang disarankan untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan atau yang terlibat secara langsung seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau agensi-agensi kerajaan, Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri atau Badan Bukan Kerajaan (NGO), badan-badan pengamal pengubatan Islam atau pusat-pusat rawatan Islam, barisan pendakwah dan masyarakat sebagaimana yang berikut:

7.3.1 Sumbangan Kepada Bidang Ilmu

Implikasi utama dalam kajian ini adalah kajian ini dapat memberi sumbangan kepada bidang ilmu. Kajian ini berkaitan dengan analisis konsep dakwah dalam kaedah pengawalseliaan amalan pengobatan Islam melalui peranan pihak-pihak berautoriti berlandaskan konseptual kajian yang telah dibahaskan dalam bab dua iaitu konsep dakwah mencegah kemungkaran kepada golongan orang Islam. Konseptual kajian ini membincangkan berkaitan asas-asas dakwah dan isi kandungan dakwah secara khusus terdapat konsep mencegah kemungkaran melalui medium dakwah *uslūb* dan *waṣīlah*. Konsep mencegah kemungkaran diaplikasikan bagi menangani isu penyelewengan amalan pengobatan Islam. Manakala, golongan orang Islam yang mungkar adalah golongan yang dikelaskan kepada pengamal pengobatan Islam yang melakukan penyelewengan dalam kaedah rawatan.

Oleh itu, kajian ini menyumbang pengetahuan baharu khususnya pada pengamal pengobatan Islam di media sosial sebagaimana yang telah dibincangkan bahawa masih belum terdapat kajian yang berfokus kepada pengamal pengobatan Islam di media sosial. Malah, terdapat kelemahan dan kelompangan dalam kaedah pengawalseliaan. Sedangkan, amalan penyelewengan oleh pengamal pengobatan Islam di media sosial terus berleluasa.

Seterusnya, secara khusus bagi pengurusan Islam, kajian ini dapat menyumbang pengetahuan baharu berkaitan bidang pengurusan melalui pengawalseliaan yang dilakukan oleh pihak berautoriti terhadap bidang amalan pengobatan Islam di Malaysia.

7.3.2 Kementerian Kesihatan Malaysia/Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri/Agensi Kerajaan

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (PTK) adalah kementerian yang bertanggungjawab dalam pengubalan sesuatu dasar dan sistem perubatan di Malaysia yang merangkumi amalan pengubatan Islam. Oleh itu, ia akan menjadikan matlamat dan prinsip pengubatan Islam lebih kondusif dan dapat memenuhi keperluan masyarakat dalam merawat dan mengekalkan kesihatan yang baik.

Dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan secara khusus dalam pembinaan sesuatu dasar atau sistem pengawalseliaan amalan pengubatan Islam yang lebih teliti dan tegas. Hal ini dapat melahirkan pengamal perubatan yang komited, professional dan mematuhi syariat Islam.

Selain itu, hasil kajian membuktikan bahawa terdapat percanggahan kaedah pengubatan yang dilakukan oleh pengamal di media sosial dengan garis panduan pengubatan menurut Islam. Oleh itu, kajian ini dapat membantu agensi kerajaan dalam menyelidik kegiatan pengamal pengubatan Islam yang aktif memuat naik video rawatan dan melakukan rawatan secara *live* serta melakukan kaedah yang menimbulkan keraguan. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu agensi kerajaan dalam mengawal selia kegiatan pengamal pengubatan Islam di atas talian. Pengawalseliaan ini perlu dilaksanakan bagi menyekat aktiviti yang bercanggah dengan syariat Islam daripada mempengaruhi masyarakat khususnya melalui media sosial.

Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan penambahbaikan sistem pengawalseliaan yang sedia ada kepada sistem pengawalseliaan bersepadu yang lebih holistik terhadap pengamal pengubatan Islam di Malaysia.

Seterusnya, pengkaji mencadangkan kepada pihak KKM mahupun agensi kerajaan yang terlibat untuk menjalankan program atau kempen secara besar-besaran bagi menyebarkan kefahaman kepada masyarakat berkaitan amalan pengubatan Islam. Melalui program seperti ini, masyarakat dapat mengetahui bahawa pengamal pengubatan Islam yang diiktiraf adalah yang telah mendapat kebenaran beramal daripada KKM, bukan yang sebaliknya iaitu dengan bahasa mudahnya tidak mempunyai 'lesen' untuk mengamalkan pengubatan Islam.

Tambahan lagi, pihak KKM dan agensi kerajaan yang berkaitan dicadangkan untuk mengemaskini dan menambah baik Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam 2011 dengan beberapa penjelasan berkaitan isu terkini terutamanya isu penggunaan media oleh pengamal dalam kaedah rawatan. Hal ini supaya garis panduan tersebut mencakupi segala penjelasan berkaitan isu semasa amalan pengubatan Islam di samping menjadi rujukan kepada pengamal pengubatan mahupun masyarakat awam.

Dalam usaha untuk mewujudkan pusat pengubatan Islam patuh syariah, pihak berautoriti Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI) perlu bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk melaksanakan kawalan dan sekatan terhadap aktiviti pengamal di media sosial yang menyeleweng.

7.3.3 Badan Pengamal Pengubatan Islam/Pusat Rawatan Islam

Implikasi kajian ini dapat memberi pendedahan kepada pengamal-pengamal pengubatan Islam berkaitan realiti pada era masa kini berkaitan *trend* pengamal pengubatan yang giat menggunakan media sosial sebagai platform mempromosi kaedah rawatan mereka. Bahkan, menggunakan platform atas talian ini sebagai medium untuk melakukan rawatan. Hal ini sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab empat bahawa pihak berautoriti tidak mengiktiraf kaedah rawatan melalui atas talian. Malah, lebih menggalakkan masyarakat yang ingin mendapatkan rawatan pergi ke tempat rawatan tersebut. Oleh itu, pendedahan ini dapat melahirkan pengamal pengubatan yang sentiasa menjaga tingkahlaku dan etika daripada melakukan perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam, garis panduan amalan pengubatan Islam dan saranan pihak berautoriti.

Selain itu, perbincangan hasil kajian dapat memberi panduan dan rujukan kepada pengamal pengubatan berkaitan peranan pihak berautoriti dalam mengawal selia bidang amalan pengubatan Islam. Oleh itu, dapat memperkasa pengamal pengubatan yang bertanggungjawab dalam aspek penjagaan kaedah rawatan.

7.3.4 Pendakwah/Organisasi Dakwah/Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Fungsi utama dakwah adalah untuk menyebarkan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Oleh itu, pendakwah menjadi nadi penting yang berperanan dalam memastikan masyarakat Islam mendapat pendedahan dan pengetahuan yang benar khususnya berkaitan dengan amalan pengubatan Islam. Mereka harus mempunyai semangat yang tinggi, keupayaan yang mencukupi dan kemahiran yang pelbagai bagi menjalankan dan menjayakan sesuatu aktiviti dakwah.

Kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada barisan pendakwah, individu, organisasi dakwah dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menambahbaik gerakan dakwah kepada masyarakat dan pengamal pengubatan Islam. Pada era globalisasi ini, tidak dinafikan bahawa para pendakwah berhadapan dengan cabaran dakwah yang lebih hebat. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar para pendakwah mengintegrasikan dakwah melalui platform atas talian secara menyeluruh bagi membendung penyelewengan yang dapat dilihat secara jelas melalui media sosial. Selain itu, melakukan dialog bersama pengamal pengubatan Islam di media sosial.

7.3.5 Masyarakat

Kajian ini membincangkan kaedah-kaedah yang sepatutnya dilakukan oleh pengamal pengubatan Islam dan kaedah-kaedah yang ditegah. Selain itu juga memperkenalkan pihak-pihak yang berkepentingan dalam mengawal selia amalan pengubatan Islam. Justeru, kajian ini dapat melahirkan masyarakat Islam yang celik syariah iaitu dapat membezakan antara pengamal pengubatan Islam yang benar ataupun yang berselindung dibalik penggunaan nama Islam.

Selain itu, kajian ini juga dapat dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat dalam memilih pengamal atau pusat pengubatan Islam yang patuh syariah untuk mendapatkan rawatan.

7.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini berkaitan analisis konsep dakwah dalam kaedah pengawalseliaan terhadap isu penyelewengan amalan penguabatan Islam yang dilakukan oleh pengamal di media sosial. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak aspek yang belum diterokai oleh pengkaji. Justeru, terdapat empat cadangan kajian lanjutan disyorkan bagi bidang kajian ini sebagaimana yang berikut:

1. Kajian berkaitan faktor-faktor pengamal penguabatan Islam menggunakan media sosial untuk mempromosi dan melakukan rawatan.
2. Kajian hala tuju dan strategi dakwah dalam menangani isu penyelewengan amalan penguabatan Islam.
3. Kajian keberkesanan kaedah pengawalseliaan pihak berautoriti terhadap isu penyelewengan amalan penguabatan Islam.
4. Kajian kolerasi antara kewujudan undang-undang sedia ada dalam mengawal selia pengamal penguabatan Islam dengan kelemahan pihak berkuasa.

Semua cadangan di atas adalah berkaitan dengan bidang amalan penguabatan Islam untuk memenuhi jurang kajian yang masih terbuka. Harapan pengkaji, kajian ini akan memacu perkembangan amalan penguabatan Islam yang lebih terkawal dan mengembangkan potensinya sebagai salah satu bidang perubatan yang luas di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian-kajian tentang amalan penguabatan Islam amat luas untuk diterokai, bukan sahaja dalam aspek dakwah bahkan dalam pelbagai aspek lain seperti pendidikan, kerjaya, hala tuju bidang dan sebagainya.

7.5 Rumusan

Sebagai penutup, bab ini telah merumuskan keseluruhan hasil dan perbincangan kajian. Seterusnya, pengkaji telah membincangkan implikasi dan cadangan dasar kepada bidang ilmu, pihak-pihak yang berkaitan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, agensi-agensi kerajaan, badan pengamal pengubatan Islam, pusat-pusat rawatan Islam, barisan pendakwah, organisasi dakwah, badan-badan bukan kerajaan dan golongan masyarakat. Akhir sekali, pengkaji mencadangkan empat kajian lanjutan yang berpotensi untuk dijalankan oleh pengkaji seterusnya.

